



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

KONTRAKTOR UNTUK BURUH

“Kontraktor untuk buruh” bermaksud seseorang yang berkontrak dengan suatu prinsipal, kontraktor atau subkontraktor untuk membekal buruh yang diperlukan bagi melaksanakan kesemua atau mana-mana bahagian kerja yang kontraktor atau subkontraktor telah berkontrak untuk menjalankan bagi suatu prinsipal atau kontraktor mengikut mana yang berkenaan.



TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR UNTUK BURUH



Seksyen 33A(1) Akta Kerja 1955 mewajibkan kontraktor untuk buruh yang membekalkan mana-mana pekerja supaya mendaftar dengan Ketua Pengarah melalui borang yang ditetapkan dalam tempoh **14 hari**.



Peruntukan baharu di bawah Bahagian VII - Seksyen 33A(1A) Akta Kerja 1955 mewajibkan kontraktor untuk buruh yang membekalkan pekerja kepada prinsipal, kontraktor atau subkontraktor membuat **kontrak secara bertulis**.



Kontrak tersebut atau apa-apa dokumen berkaitan **perlu tersedia untuk pemeriksaan** oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

PENALTI

➤ Mana-mana kontraktor untuk buruh yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang dinyatakan, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00.



03-8886 5192



jtksm@mohr.gov.my



jtksm.mohr.gov.my